



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PELAN STRATEGIK MELAKAKU MAJU
JAYA 2035
TARIKH: 8 MAC 2021 (ISNIN)
MASA: 8.25 PAGI
BERTEMPAT DI GRAND BALLROOM, MITC MELAKA.**

BismillahirRahmanirRahim,

***Alhamdulillah Rabbil A'lamin, Wassolatu
Wassalammu A'la Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin Wa
Ala' Alihi Wasohbihi Ajmain,***

***Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala
A-li Sayyidina Muhammad.***

Assalammualaikum Warahmatullahi, Wabarakatuh,
Salam Sejahtera,

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit
Dunia,
Terima kasih saudara pengacara majlis;

**YANG BERHORMAT DATUK SERI AB RAUF BIN YUSOH,
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. HASIM BIN
HASAN,
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**SAHIBUS SAMAHAH DATUK WIRA HAJI ABDUL HALIM
BIN TAWIL, MUFTI KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN
NEGERI MELAKA;**

**YANG BERUSAHA KETUA-KETUA JABATAN NEGERI
DAN AGENSI PERINGKAT NEGERI DAN PERSEKUTUAN;**

YANG BERBAHAGIA DATO' SERI, DATO'-DATO', DATIN-DATIN, DIF-DIF KEHORMAT, RAKAN-RAKAN MEDIA;

Semua hadirin dan hadirat, yang tidak dapat saya sebutkan nama satu persatu. Tetapi itu tidak sedikit pun mengurang dan hilang hormat serta kasih sayang saya kepada anda semua,

Tuan-tuan dan puan-puan, para penjawat awam yang dikasihi sekalian,

Apa kabau semua? Sihat walafiat ke? Semua ikut SOP tak? Kalau ya Alhamdulillah. Jangan sesekali 'langgau' (langgar) ya. Nanti sendiri yang susah!

Bila dah PKPP ni, bolehlah bawa keluarga bercuti ye. Kita meriahkan kempen 'Melakan Visit Melaka 3.0', yang kebetulan mula hari ini.

Boleh? Boleh BAGI JADI,... KASI JADI...? Terima kasih!

Saudara dan saudari,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya mula dengan merafakkan segala puji dan syukur kehadiran Allah SWT, atas kurnia serta keizinan-Nya jua, maka kita dapat sama-sama hadir, pada **Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri**, seraya melancarkan, **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035**.

2. **Hari ini, Isnin, 8 Mac 2021, bersamaan dengan 24 haribulan Rejab, 1442 Hijrah. Kira-kira 34 hari lagi, iaitu 10 April 2021, kita akan mengadakan Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka di Masjid Tanah, yang menawarkan lebih 2 ribu peluang pekerjaan kepada rakyat Melaka.**
3. Manakala tak sampai **37 hari** dari sekarang, kita menuju di **ambang Ramadhan Al-Mubarak**, bulan penuh kemuliaan, bagi umat Islam menunaikan ibadah puasa.

4. Diam tak diam, **esok, genaplah 1 tahun saya memimpin negeri bertuah, Melaka bumi bersejarah.** Sepanjang tempoh itu, kita bersama melalui pelbagai liku mehnah, seperti **cabaran kesihatan, politik dan ekonomi.**

5. Setakat 365 hari ini, Alhamdulillah, kita dapat tadbir dan pimpin negeri ini dengan baik lagi jayanya. **Terima kasih semua penjawat awam!**

6. **Report card prestasi pencapaian sepanjang 1 tahun**, akan kita bentangkan tidak lama lagi, sekitar awal bulan depan. InsyaAllah.
7. Untuk itu, saya ingin mengucapkan, **berbanyak-banyak terima kasih kepada sahabat-sahabat saya,...**

8. **Barisan Exco Kerajaan Melaka, semua Ahli Dewan Undangan Negeri Perikatan Nasional, juga kepada ‘rakan-rakan strategik’, dari pihak pembangkang,..** atau apa yang pernah saya sebutkan mereka dalam sidang DUN sebelum ini sebagai, **‘SA-DII-QUL IS-TRA-TI-JIY-YAH’**, serta semua para penjawat awam di Negeri Melaka yang saya kasihi sekalian. Tanpa anda semua siapalah saya!

9. Bersamalah kita saling menghargai, diucapkan tahniah dan terima kasih, **seraya kita berikan tepukan padu bergemuruh kepada semua!**

Saudara dan saudari,

10. Sebelum saya mengorak langkah lebih jauh lagi, saya pohon semua ketua jabatan dan para penjawat awam, agar dapat beri sepenuh perhatian terhadap apa yang ingin saya sampaikan kali ini.
11. Kerana, saya maklum, ucapan kali ini agak **'heavy'**, dan bersifat **big picture** serta agak teknikal. Apatah lagi kandungan pelan dan dasar ini, yang menjangkau tempoh lebih 10 tahun.

12. Justeru saya berharap, sewaktu membentangkan dokumen strategik masa depan ini, saya tak mahu ada yang sibuk dengan ***whatsApp*** atau **tidak fokus dengan apa yang bakal saya jelaskan.**
13. **Boleh semua? Boleh? Alhamdulillah!**

KEPERLUAN PENGHASILAN PELAN STRATEGIK MELAKAKU MAJU JAYA 2035 (PSMJ 2035)

Saudara dan saudari,

14. Sesungguhnya, Allah SWT berfirman dalam Al-Quran, *“wa a id’ duu lahum mas-ta-tho’-tum ming quwwah...”*.

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ

15. Berbekalkan **surah Al-Anfal, ayat 60** ini, mafhumnya, **Allah SWT menyuruh kita agar senantiasa mempersiapkan diri, dengan segala perancangan, untuk menghadapi cabaran dan masa depan, dengan sepenuh kudrat serta segala kekuatan yang kita ada.**
16. Atas dasar kesiapsiagaan itulah, maka sebentar lagi, pada hari yang penuh bermakna ini, kita akan menyaksikan pelancaran **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 atau PSMJ 2035.**

17. **Kenapa kita perlu menghasilkan PSMJ 2035?**
18. **Pertama: Pada hemat saya, dokumen PSMJ ini bukanlah pelan biasa-biasa. Ia merupakan perancangan tindakan strategik, holistik dan komprehensif, yang bukan untuk satu dua tahun, bahkan dirangka dan direncana untuk tempoh 15 tahun akan datang.**

19. Tambahan, PSMJ 2035 ini, kita **persiapkan bukan untuk saya,... BUKAN JUGA UNTUK BARISAN PARA EXCO,... TETAPI ADALAH UNTUK KITA SEMUA,... ANAK-ANAK MUDA,... WAIMA CUCU-CICIT KETURUNAN KITA,... PADA WAKTU AKAN DATANG.**

20. **Ibarat kita menanam pokok, buah ranumnya bukan untuk kita, tetapi hasilnya nanti, kita pastikan, akan dinikmati oleh generasi yang akan datang.**

21. **Kedua: PSMJ 2035 adalah kesinambungan dasar dan wawasan daripada para pemimpin terdahulu, menuju kegemilangan masa depan.**

22. **Ketiga: PSMJ 2035 direncana untuk mempersiapkan Melaka menghadapi zaman perubahan, mendepani era Industri 4.0, ekonomi digital dan masyarakat 5.0 serta tuntutan teknologi zaman mendatang.**

23. **Keempat:** Segala proses, gerak kerja dan dasar PSMJ 2035 akan dilaksanakan melalui kombinasi pendekatan ***bottom-up*** dan ***top-down***.
24. Maksudnya apa? **selain daripada kita memperkenalkan dasar dan inisiatif untuk dilaksanakan, kita juga membuka maklumbalas daripada orang ramai, demi memastikan keberkesanan sesuatu dasar dilaksanakan secara menyeluruh.**

25. **Kelima:** PSMJ 2035 ini adalah **dokumen rujukan utama oleh semua agensi**, yang tidak boleh tidak, **perlu diterjemahkan menjadi pelan tindakan konkrit dan matlamat utama prestasi bagi mencapai kecemerlangan pentadbiran untuk setiap agensi di Negeri Melaka.**
26. Laginya, dokumen ini akan menjelaskan tentang strategi kerajaan negeri untuk merancang dan mengambil tindakan, bagi menilai pencapaian menerusi *key performance indicator* atau KPI, yakni petunjuk prestasi utama yang telah ditetapkan.

27. Secara prinsip, PSMJ 2035 ini, seharusnya menjadi dokumen rujukan rasmi kerajaan Melaka, yang diterima baik sama ada di peringkat kerajaan persekutuan mahupun pihak pelabur.

28. **Keenam:** PSMJ 2035 akan menjadi '*living documents*', yakni **dokumen dinamik, yang bergerak seiring dengan dasar Kerajaan Negeri dan Persekutuan, respon kepada perubahan dan kemajuan masa hadapan negeri Melaka.**

29. **Terakhir** pula, semestinya, **PSMJ 2035 ini akan menjadi detik bersejarah, untuk kita melakar halatuju perjalanan jauh, atas kanvas baharu, yang bakal membawa Negeri Melaka menuju masa depan yang cerah, nan lagi penuh gemilang.**
30. Saya yakin, dengan pelaksanaan PSMJ 2035 ini, akan memacu dan merancakkan pertumbuhan ekonomi, menggalakkan pelaburan domestik serta asing, meningkatkan sektor pelancongan, pembangunan infrastruktur, pemulihan warisan dan peningkatan modal insan melalui pendidikan.

31. Untuk itu, saya merakamkan penghargaan kepada semua, khususnya, **Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka atau UPEN, jabatan, agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta pihak-pihak yang terlibat,** dalam mendokumentasikan **Pelan Strategik** ini sehingga menjadi kenyataan.

32. **Terima kasih dan wajar sekali, sama-sama kita beri tepukan syabas kepada mereka!**

KRONOLOGI PENGHASILAN PSMJ 2035

Saudara dan saudari,

33. Ada yang bertanya saya, **untuk apa tujuan PSMJ 2035 dizahirkan? Apa manfaatnya kepada rakyat dan Negeri Melaka?**

34. Saya boleh jawab begini. Pendokumentasian PSMJ 2035 ini adalah berdasarkan kepada **5 objektif utama antaranya:**

Satu: Memandu pencapaian pembangunan negeri Melaka sehingga tahun 2035;

Dua Memacu pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan strategik domestik dan asing; serta

Tiga: Mewujudkan kerjasama yang erat di antara pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, dalam merencanakan ekosistem perniagaan serta meningkatkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

Saudara dan saudari,

35. Sebenarnya, kita menghasilkan dokumen PSMJ 2035 ini, bukanlah secara semberono atau sekadar 'tangkap muat' sahaja. Tetapi ia telah melalui proses perbincangan, hujahan dan siri-siri bengkel serta program yang agak panjang.
36. Sepintas lalu, idea dan cetusan awal bermula di **program Mewajah Melaka Rumahku, "A New Dawn Rising"**, pada **12-14 Ogos 2020**.

37. Dalam program tersebut, kita cadangkan idea penubuhan LABS atau makmal untuk *transform* Kerajaan Melaka, dengan menggunakan pendekatan lebih berimpak dan efektif iaitu, ***to deliver fast results atau menghasilkan Big Fast Results.***
38. Saya masih ingat lagi kata-kata salah seorang daripada speaker jemputan, ***“work like a pregnant woman. When you pregnant, of course, you have to deliver”.***

39. Manakala salah seorang panelis lagi menyentuh tentang ***geographical economy***. Lalu mencadangkan agar Negeri Melaka mencontohi Switzerland, negara yang tidak mempunyai sumber hasil, tetapi mampu menjadi terkenal seluruh dunia, dengan produk pelancongannya, jenama jam dan coklat, walaupun negara berkenaan tidak menanam koko.

40. Seterusnya, pada **24 hingga 25 Ogos 2020** pula, **Bengkel Melakaku Maju Jaya** telah diadakan. Ia merupakan titik permulaan penggubalan, mendokumentasikan PSMJ 2035 ini yang melibatkan keseluruhan portfolio di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).
41. Kemudian terhasillah PSMJ 2035, yang **menggariskan 175 strategi**, melibatkan pelbagai pelan tindakan berbentuk program dan projek fizikal, dengan sasaran KPI jangka pendek, sederhana dan panjang.

42. Ini diikuti pula, pada **12 Ogos 2020, sesi libat urus** telah diadakan, melibatkan pelbagai pihak untuk mendapatkan pandangan, bagi memastikan PSMJ 2035 yang telah dirancang itu, difahami dan diterima baik oleh rakyat Melaka.

43. Selanjutnya, pada **29 September hingga 1 Oktober 2020**, sesi **Pra Lab Melakaku Maju Jaya** dianjurkan, bagi memperhalusi dokumen yang telah dipilih sebelumnya.

44. Maka itu, sebanyak **44 Big Wins, 6 Quick Wins dan 41 Symbolic Actions** telah dihasilkan oleh setiap kumpulan bengkel. Setelah diperhalusi, sebanyak **6 Big Wins, 6 Quick Wins dan 9 Symbolic Actions** dikenal pasti sebagai keutamaan Kerajaan Melaka.
45. Kemudian, pada **16 hingga 18 Disember 2020 sesi Lab Melakaku Maju Jaya** telah diadakan. Hasilnya, Kerajaan Melaka bersetuju untuk membentuk **8 tema utama yakni Flagship** yang telah dibincang secara komprehensif semasa Lab tersebut.

46. Di kesempatan ini, marilah kita ucapkan terima kasih kepada **semua penjawat awam negeri Melaka seramai 7,572 orang** dan **penjawat awam Persekutuan di negeri ini,...**
47. Yang **keseluruhannya berjumlah 40,156 orang**, kerana telah berkhidmat dengan berkesan,... **serentak kita berikan tepuk penghargaan kepada mereka semua!**

STRATEGI DASAR MELAKAKU MAJU JAYA 2035

Warga penjawat awam sekalian,

48. Walaupun sudah 1 tahun kita mentadbir negeri ini, tetapi ada juga yang masih bertanya saya, **apakah halatuju Kerajaan Negeri Melaka? Ke mana kita nak bawa Melaka ni?**
49. Sungguhpun soalan ini telah berkali-kali kita jawab sebelumnya, namun, kita tetap positif untuk mengulang jawapan tersebut.

50. Jika pertanyaan yang sama ditunjukkan kepada para penjawat awam di Negeri Melaka, maka saya cadangkan, kita boleh jawab begini.
51. **Halatuju Kerajaan Negeri Melaka adalah berasaskan kepada kerangka komprehensif MELAKA RUMAHKU. Di dalamnya terkandung visi, misi, *enabler* atau pembolehdaya dan slogan serta dilingkari dengan akar tunjang kecemerlangan duniawi serta ukhrawi.**

52. Justeru, Strategi Dasar Melakaku Maju Jaya 2035 yang dilancarkan pada 1 Julai 2020, telah digarap berpandukan kepada **“MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI”** yakni **SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS** atau **SDGs**, digunakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
53. Jadi di sini, visi Kerajaan Melaka yang kita telah tetapkan adalah, **“Menuju Negeri Lestasi”**, menggunakan **17 “MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI”** yakni **SDGs** tersebut.

54. Visi tersebut dengan jelas menyatakan matlamat untuk membawa Melaka ke arah pembangunan inklusif dan seimbang, menitik beratkan pemeliharaan alam sekitar, demi pembangunan mampan serta **mengambil kira semua keperluan masyarakat, agar tiada yang keciciran, atas prinsip “NO ONE IS LEFT BEHIND”**.
55. Manakala **5 misi utama Negeri Melaka** pula adalah berasaskan akronim **T.E.R.A.S. atau TERAS**.

- (a) **T untuk Teknologi**, yakni, memperluaskan inisiatif pintar dan mempercepat data dalam agenda pembangunan negeri;
- (b) **E bagi Entrepreneurship** iaitu, membangunkan dan menyokong ekonomi rakyat tempatan menjadi lebih berdaya maju;

- (c) **R pula Revolusi Industri dan Ekonomi** dengan, merencanakan negeri Melaka sebagai sebuah destinasi pelaburan berkonsepkan agro-industri, bioteknologi, Revolusi Industri 4.0, perusahaan industri digital dan industri perkhidmatan maritim;
- (d) **A untuk Antarabangsa**, iaitu, memperhebat industri pelancongan dan institusi pendidikan agar lebih berkualiti, unik serta bertaraf dunia; dan

(e) **S bagi Sejahtera** yakni, menghidupkan persekitaran negeri terbersih, terindah, lestari, selamat, selesa, semangat dan nilai kekitaan (*sense of belongings*) serta ekonomi, yakni taraf hidup rakyat yang berkualiti, sejahtera dan lebih baik untuk didiami.

56. Bagi **PEMBOLEH DAYA** atau *Enabler* pula ada enam.

Satu: Keterangkuman dan Kesalinghubungan

Dua: Kemampanan Ekonomi

**Tiga: Kecanggihan Teknologi Hijau, Pintar dan
Pendigitalan**

Empat: Keberdayaan Modal Insan

Lima: Keutuhan Budaya dan Warisan

Enam: Keihsanan dan Integriti

57. Untuk slogan pula seperti yang semua sudah tahu,
apa dia,...

Melakaku,..... Maju Jaya!

Rakyat,..... Bahagia!

Menggamit,..... Dunia!

58. Untuk lebih lengkap, kita boleh rujuk semula kerangka besar halatuju MELAKA RUMAHKU. Bagi **PSMJ 2035** pula, ia adalah *in tandem* dan selari dengan MELAKA RUMAHKU, yang menerangkan dengan terperinci proses dan pelan strategiknya dalam suatu dokumen yang komprehensif.
59. Peri pentingnya, saya mahu semua penjawat awam, khususnya para ketua jabatan agar dapat ingat, hafal dan kuasai segala dasar serta halatuju Negeri Melaka ini, supaya, jika soalan sebegini berbangkit lagi, maka, mudah untuk kita menjelaskannya.

60. **Boleh semua? Boleh? Alhamdulillah!**

MELAKA KEY RESULT AREA (MKRA)

Saudara dan Saudari,

61. Selanjutnya, Kerajaan Negeri juga menetapkan **lima (5) Melaka Key Result Area (MKRA,) sebagai bidang keberhasilan utama**, yang akan sama-sama kita capai, dalam tempoh 15 tahun, bermula dari 2021 sehingga tahun 2035.

62. MKRA ditetapkan seperti berikut:

Satu: Revolusi Industri dan Ekonomi;

Revolusi ekonomi dan industri ini akan memfokuskan kepada sektor agro-industri, bioteknologi, IR 4.0, perusahaan industri digital dan juga perkhidmatan maritim.

Dua: Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat;

Kerajaan Negeri akan menyediakan kemudahan infrastruktur awam yang lengkap termasuklah menyediakan jaringan jalan raya yang mampan, menyelesaikan isu kesesakan jalan raya, kemudahan perkhidmatan kesihatan berkualiti, taman-taman awam, kompleks-kompleks sukan, isu kemudahan bekalan air, isu banjir dan sebagainya.

**Tiga: Perluasan Inisiatif Pintar Dan
Pemeriksaan Data;**

Inisiatif pintar akan diperkenalkan sebagai penyelesaian kepada pelbagai masalah perbandaran. Aplikasi pintar ini mempunyai skop yang luas dan antara fokus Kerajaan Melaka adalah untuk **pembangunan *Smart Melaka* yang melibatkan *Smart Mobility, Smart Economy, Smart Governance, Smart Energy* dan *Smart Living*.**

Empat: Pembangunan Ekonomi Rakyat Tempatan;
Beberapa pendekatan berbentuk penyediaan pelbagai jenis bantuan, peluang-peluang latihan, pembangunan kompleks-kompleks perniagaan, gerai dan pusat-pusat penjaja adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Melaka, bagi meningkatkan ekonomi rakyat tempatan.

Lima: Pernerksaan Industri Pelancongan Dan Pendidikan Di Tahap Global

Bagi tujuan demikian, Kerajaan Negeri juga akan memperkasakan industri pelancongan dan pendidikan berkualiti global serta akan membawa Negeri Melaka ke persada dunia antarabangsa.

63. Di sisi ini, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, **saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah, kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Hj Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, atas pemasyhuran sebagai Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau UTeM.**
64. **Setinggi syabas diucapkan!**

HALA TUJU PEMBANGUNAN NEGERI MELAKA 2035

Saudara dan saudari,

65. Sesungguhnya, Hala Tuju Pembangunan Negeri Melaka 2035 ini disediakan untuk menjelaskan matlamat dan *flagship* atau tema pembangunan yang ditetapkan untuk dicapai pada tahun 2035.

66. Selaras dengan **5 MKRA yang ditetapkan, 8 *Flagships*** telah dipilih untuk memacu pembangunan Negeri Melaka bagi tempoh 15 tahun akan datang bermula tahun 2021.
67. Strategi pembangunan tersebut diperjelaskan melalui **penetapan *Quick Wins* dan *Symbolic Actions* serta KPI masing-masing, yang akan dilaksanakan sebagai sokongan kepada *flagship* masing-masing.**
68. **Lapan (8) *flagships*** yang dipersetujui adalah seperti berikut:

69. **Pertama: Zon Pembangunan Ekonomi – Melaka Waterfront Economic Zone atau M-WEZ.**
70. *Flagship* ini meliputi **tiga (3) fokus utama** di dalam kawasan M-WEZ iaitu;
- i) Komponen pembangunan M-WEZ yang akan ditetapkan menerusi Pelan Induk Pembangunan M-WEZ (*Blueprint M-WEZ*),

- ii) Mempelbagaikan ekonomi negeri menerusi aktiviti berkaitan maritim di sepanjang perairan negeri Melaka serta
- iii) Memperkukuhkan infrastruktur utama dengan penekanan ke arah infrastruktur digital dan utiliti yang lain.

71. Manakala, pembangunan yang akan dilaksanakan di bawah *Flagship* ini seperti:

- i) Pewujudan badan khas pentadbir kawasan M-WEZ, dan
- ii) Penyediaan infrastruktur telekomunikasi di dalam Negeri Melaka sebagai tumpuan pembangunan digital. Ia termasuklah Pembangunan Menara Telekomunikasi, Pusat Data, *Smart and Virtual City*.

72. Saya percaya, dengan tertubuhnya koridor baharu, pelaburan berimpak tinggi M-WEZ ini, bakal menjadi *game changer*, bagi mengembalikan semula kegemilangan Negeri Melaka untuk kembali digelar sebagai, ***Venice of the East***.

Saudara dan saudari,

73. *Flagship* kedua adalah, **Pengurusan Air Mampan**.

74. *Flagship* ini memberikan penekanan kepada tiga (3) fokus utama iaitu Pengurusan Sumber Air, Pengurusan Air Terawat dan Pengurusan Banjir.
75. Di antara pembangunan yang akan dilaksanakan di bawah *Flagship* ini seperti:
- i) Kajian Melaka *Flood Free*;
 - ii) Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus;
 - iii) Kajian Kemungkinan Pembinaan Empangan Pesisir Pantai (Coastal Reservoir); dan

- iv) Kajian Kemungkinan *Inter Basin Transfer* di Lembangan Sungai Negeri Melaka.
76. Di sudut ini, meskipun negara sedang berdepan dengan cuaca panas yang tidak menentu ketika ini, namun **saya memberi jaminan, kita tidak akan melakukan catuan air!**
77. **Setakat ini, bekalan air di semua empangan di Melaka, dijangka mampu bertahan sehingga September ini.**

78. Justeru, **saya pohon doa daripada seluruh rakyat Melaka, supaya Allah SWT menurunkan hujan dan sentiasa merahmati Negeri Melaka bumi tercinta ini.**

Saudara dan saudari,

79. **Flagship ketiga ialah Pembangunan Bersepadu (*Transit Oriented Development*).**

80. Pembangunan Bersepadu ini, sebagai salah satu pemangkin utama di dalam Pelan Pembangunan Negeri Melaka dan bertepatan dengan cadangan mewujudkan Zon Pembangunan Ekonomi baharu Melaka iaitu M-WEZ dan Kuala Linggi *International Port* atau KLIP.

81. Selain itu, kewujudan terminal pengangkutan transit sedia ada di Stesen Keretapi Pulau Sebang dan cadangan pembangunan hab pendidikan di Bandar Hijau Ayer Keroh, akan membuka ruang serta peluang kepada Kerajaan Melaka untuk merencanakan pembangunan di lokasi tersebut.
82. Di antara projek pembangunan yang akan dilaksanakan di bawah *flagship* ini adalah:
 - i) Merangka Pelan Induk Pengangkutan Negeri Melaka atau Melaka *Transportation Master Plan*;

- ii) Mekanisme alternatif bagi meningkatkan kecekapan aliran trafik- Pelaksanaan Sistem SMART Traffic Light; dan
- iii) Pembangunan pelabuhan baharu dan sedia ada.

83. **Flagship keempat adalah Digital Melaka.**

84. Di bawah flagship ini, kita akan memfokuskan pemantapan infrastruktur telekomunikasi, pemerksaan aplikasi pintar dan kandungan digital (*Smart Melaka*), tadbir urus digitalisasi kerajaan serta kesedaran masyarakat kearah pendigitalan.

85. Di antara projek pembangunan di bawah *flagship* ini seperti:
- i) Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA);
 - ii) Projek Perintis rangkaian teknologi 5G dan *full fiberisation* di Kawasan Koridor M-WEZ.

Saudara dan saudari,

86. Bagi **flagship kelima** pula adalah **Melaka Negeri Usahawan**.

87. Untuk ini, kita akan memperkasakan ekosistem keusahawanan secara komprehensif dan inklusif serta penglibatan aktif daripada pihak kepimpinan kerajaan negeri.
88. Selain itu, *flagship* ini turut memberi keutamaan kepada membina dan membangunkan industri sedia ada yang berdaya saing serta memberikan tumpuan untuk menjana industri baharu yang dilihat lebih berjaya di luar.

89. Program dan projek yang akan dilaksanakan di bawah *flagship* ini antaranya:
- i) Pelancaran *Platform Digital Melaka - Easy Shop Melaka*;
 - ii) Program Penjana (*Urban Farming*) dan
 - iii) Pembangunan Kawasan Perindustrian Melaka Halal Hub Serkam 2.0.
90. Selain itu, kita juga akan menyemarakkan lagi program dan budaya keusahawanan di Melaka sepanjang tahun ini.

91. Contohnya pada 18 hingga 19 Februari lalu, kita telah berjaya menarik minat seramai 325 usahawan Melaka untuk mendaftarkan diri dalam **kursus Keusahawanan Atas Talian dan Keusahawanan Digital 2021**, anjuran melalui Institut Tun Perak.
92. Dengan PKPP sekarang, saya yakin **abang Ah Chai**, seorang pengayuh beca veteran, yang pernah saya jumpa, di mana waktu PKP dulu, terpaksa menjual keropok ikan dan udang, kini sudah boleh beroperasi semula.

93. **Kak Aini Abdul Majid** misalnya, yang pernah **'terlelap'** ketika menanti pelanggan sewaktu PKP, walaupun sebelumnya **'tidak menang tangan'** menerima pelanggan menjual cincalok dan belacannya, saya harap kini sudah boleh berniaga semula.
94. ***Tapi sekarang dah PKPP, saya yakin tiada yang 'terlelap' dalam dewan ini.***

95. Seterusnya, kita juga sudah ada **jenama cili baharu iaitu Cili Melaka**, yang diusahakan oleh Yayasan Melaka di tanah seluas **6.8 hektar** di Bandar Hijau, berikutan permintaan tinggi dari dalam dan luar negara terhadap cili Melaka.

96. Saya percaya, **banyak lagi ruang untuk kita mencari rezeki, sebagai seorang peniaga mahupun usahawan, jika kita rajin berusaha. Kerajaan Negeri Melaka akan sentiasa membantu sedaya yang boleh.**

Saudara dan saudari,

97. **Melaka Negeri Pelancongan pula dalam flagship keenam.**
98. *Flagship* ini bertujuan untuk **meningkatkan kehadiran pelancong ke negeri Melaka sebanyak 10** peratus pada setiap tahun.
99. Meskipun kita berhadapan dengan penularan COVID-19, namun, negeri Melaka masih berjaya mencatatkan bilangan pelancong seramai 5.6 juta pada tahun 2020.

100. Kerajaan negeri juga turut menyasarkan pertambahan produk-produk pelancongan baharu termasuklah konsep baharu pelancongan digital, meningkatkan kualiti kualiti produk pelancongan sedia ada dan menambah jumlah penganjuran acara pelancongan negeri Melaka.
101. Program-program yang akan dilaksanakan di bawah *flagship* ini seperti:
- i) Pelancaran Platform Digital Melaka - *Easy Shop Melaka*;
 - ii) Program Melaka *Agro Market (Mix Market)*; dan

iii) Pengisian dan Pengoperasian Usahawan di Premis Melaka Halal Hub Serkam.

102. Kepada para pelancong yang ingin ke Melaka;

**Bunga Kesidang bertangkai lembut,
Dekat telaga di pohon sagu,
Tamu datang kita menyambut,
Rakyat Melaka ramah menunggu.**

Saudara dan saudari,

103. **Flagship ketujuh adalah Melaka Hab Pendidikan.**

104. *Flagship* ini bertujuan menjadikan negeri Melaka sebagai hab pendidikan bertaraf dunia. Ia merupakan satu matlamat untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti, landasan bagi melahirkan modal insan yang kreatif, inovatif dan berkemahiran tinggi.

105. Pelaksanaan pembangunan di bawah *flagship* ini seperti:

- i) Menaiktaraf **KUIM sebagai Universiti penuh, yang dinamakan semula sebagai Universiti Melaka atau UNIMEL;** dan
 - ii) Mewujudkan sistem pengambilan pelajar atas talian bagi Negeri Melaka (**Melaka UPU online**).
106. **Flagship kelapan pula adalah Melaka Sejahtera iaitu Perpaduan, Kebajikan, Kesihatan, Belia & Sukan.**

107. **Bagi Melaka Negeri Sejahtera (Perpaduan)**, Kerajaan Melaka akan mempergiat usaha untuk menjadikan perpaduan dan kemakmuran negara sebagai elemen utama agar kesepaduan nasional dapat dijayakan oleh setiap agensi kerajaan dalam melaksanakan pelbagai program pendidikan, sosial, pembangunan, kebudayaan, keagamaan, kesukanan, keselamatan serta sebagainya.

108. **Bagi Melaka Negeri Sejahtera (Kebajikan), lima (5) strategi** telah dirangka iaitu, menjamin kesejahteraan rakyat dari aspek ekonomi, sosial, sahsiah, pembangunan wanita, modal insan, perkembangan reproduksi penduduk, jaringan kerjasama multisektoral bersama badan-badan bukan kerajaan serta memperkasa jaringan perkongsian data maklumat penerima bantuan negeri Melaka.

109. **Bagi Melaka Negeri Sejahtera (Kesihatan)**, kita telah membangunkan kerangka yang holistik demi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik untuk rakyat Melaka.
110. Di perspektif ini, syabas juga kita ucapkan kepada *frontliners* di Negeri Melaka, yang bertugas siang dan malam, dalam mengekang penularan COVID-19 di Melaka, **sehingga semalam turun menjadi 3 kes, selain bertukar daripada PKP ke PKPP.**

111. Dos pertama vaksin pun sudah diterima dan saya salah seorang yang telah diinjet vaksin tersebut. Tunggulah giliran masing-masing selepas ini ye.
112. **Lalu, bagi menghargai kejayaan Petugas Barisan Hadapan Melaka, yang kini jumlahnya 8,323 orang, silalah kita beri tepukan gemuruh kepada semua *frontliners!***

Saudara dan saudari,

113. **Selanjutnya, adalah Melaka Negeri Sejahtera (Belia & Sukan).** Pembangunan belia memerlukan program bersepadu yang mampu meningkatkan kesedaran dan sensitiviti belia terhadap pelbagai isu, antaranya perpaduan dan integrasi nasional.
114. Belia juga perlu dibekalkan dengan pelbagai kemahiran dalam bidang kepimpinan, pengurusan dan sosial, bagi melahirkan pemimpin yang berkaliber pada masa hadapan.

115. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah digariskan di bawah *flagship* ini untuk dilaksanakan antaranya:

- i) Pembinaan Blok Wanita Dan Kanak-kanak, Hospital Melaka;
- ii) Kajian Pengukuran Isu Perpaduan Masyarakat Negeri Melaka;
- iii) Mewujudkan Ruang Khas (Unity Corner) bagi menerbitkan Penulisan / Artikel berkaitan Perpaduan di dalam akhbar; dan
- iv) Pembangunan modal insan Asnaf melalui Bantuan Niaga, Pendidikan dan Latihan.

**PEMANTAUAN DAN PENILAIAN SERTA MEKANISME
PENGUKURAN PENCAPAIAN *KEY PERFORMANCE
INDICATOR (KPI)***

Saudara dan saudari,

116. **Selanjutnya lagi, apakah kaedah terbaik untuk pemantauan dan menilai pelaksanaan PSMJ 2035 ini?**

117. Baiklah, metodologi yang bakal kita gunakan untuk memantau dan menilai PSMJ 2035 ini adalah melalui ***Plan, Do, Check, Act* atau PDCA.**
118. Umumnya, aspek pemantauan dan penilaian akan dilaksanakan berterusan dari semasa ke semasa serta mewujudkan penambahbaikan dan peningkatan ke atas dokumen tersebut, berdasarkan kepada keperluan dan kehendak semasa.

119. Di sudut ini, pemantauan dan penilaian merupakan **dua (2) elemen penting** dalam pengurusan projek pembangunan yang boleh diaplikasikan, bagi memastikan perancangan PSMJ 2035 ini, mencapai objektif yang ditetapkan.
120. Secara keseluruhannya, proses pemantauan tersebut berfungsi sebagai instrumen untuk membantu mengesan kemajuan menuju matlamat yang ditetapkan, sama ada ianya boleh dilaksanakan atau memerlukan perubahan bagi membolehkan perancangan tersebut dicapai.

121. Maklumat yang diperolehi daripada pemantauan yang berterusan, akan dinilai sama ada perancangan tersebut boleh diteruskan pelaksanaan ataupun sebaliknya.
122. Dari segi mekanisme pelaksanaan dan pemantauannya pula, kesemua perancangan 8 *Flagships* Melakaku Maju Jaya, akan dilaksanakan secara bersama oleh **Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN)** dan **Pejabat Pemantauan dan Pelaksanaan Melaka (MIMO)**.

123. Manakala sekretariat kepada *flagship* masing-masing ditugaskan bagi memastikan penyelarasan kepada pelaksanaan program atau projek dan bekerjasama erat dengan pihak UPEN serta MIMO untuk tujuan pelaporan dan penambahbaikan kepada perancangan yang telah dibuat mengikut kesesuaian.

124. **Status semasa Pelaksanaan perancangan PSMJ 2035 akan dimaklumkan pada bulan April 2021.**

Saudara dan saudari,

125. Pada awal 2021, Kerajaan Negeri telah melaksanakan **sesi libat urus awam** ke atas Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 **selama 19 hari, bermula dari 1 Januari sehingga 19 Januari 2021** dengan **melibatkan 1,976 responden.**
126. Maklum balas daripada rakyat ini adalah mustahak untuk melihat tahap penerimaan dan mengenal pasti keperluan rakyat, bagi disesuaikan dengan perancangan serta halatuju pembangunan Melaka, yang telah disediakan oleh pihak kerajaan, untuk tempoh 15 tahun, sehingga 2035.

127. Secara keseluruhan, **seramai 98.3 peratus responden bersetuju** bahawa, **dokumen PSMJ 2035 yang dihasilkan ini, perlu dipantau dan dinilai pencapaiannya pada setiap suku tahun.**
128. Manakala **79 peratus daripada keseluruhan responden pula yakin** bahawa, **PSMJ 2035 akan berjaya dilaksanakan.**
129. **Ini permulaan yang baik. Kita akan sentiasa melakukan penambahbaikan dari masa ke semasa.**

130. Sementelahan itu, kita juga berharap agar PSMJ 2035 ini diterima baik oleh semua pihak, terutama rakyat Negeri Melaka, termasuklah pihak berkepentingan lain, seperti Kerajaan Persekutuan dan juga pihak pelabur.
131. Apapun, **sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan dokumen PSMJ 2035 ini, seraya kita berikan tepuk penghargaan kepada mereka semua!**

PENUTUP

Saudara dan saudari, warga penjawat awam dikasihi, yang selama ini menjadi benteng dan tulang belakang kepada kepimpinan saya serta Kerajaan Melaka,

132. Atas segalanya,... bagi dimadah orang-orang Melayu,...

**Buah sebakul dibawa bonda,
Letak di para sama dikongsi,
Walau segunung cabaran melanda,
PSMJ 2035, bersama kita jadikan realiti.**

133. Mustahaknya, seperti saya sebutkan dalam perutusan 2021, tahun ini, adalah **tahun pe-lak-sanaan. *Get It Done, Bagi Jadi, Kasi Jadi!***

134. **Lantas, melalui pelaksanaan PSMJ 2035 ini,... kita boleh katakan bahawa, *“we have a plan, our plan is working and we will continue to deliver effectively!***
135. **Lalu, sama-sama kita gantungkan azam yang tinggi, bertekad kembalikan kegemilangan negeri,...**
136. ***“The Jewel in the Golden Chersonese”*, Permata bersinar, Melaka Tanah Pusaka,...**

137. **Kita majukan negeri ini,... bukan sekadar sebagai Bandar Warisan Dunia,...**
138. **Bahkan mengangkat Melaka menjadi pusat ketamadunan..., gemilang warisan, budaya dan masa depan,...**
139. **Hab pelancongan serta pendidikan dunia,...**
140. **Pusat perdagangan tersohor, sehingga menggamit seantero dunia,...**

141. **Boleh semua? Boleh Kasi Jadi? Boleh?**

142. Dengan lafaz kalimah suci
BismillahirRahmannirrahim, saya dengan
sukacitanya, **merasmikan Pelancaran Pelan
Strategik Melakaku Maju Jaya 2035.**

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Terima kasih.